

Pengajaran fizik perlu kaedah menarik

UM 28/12/07 pg. 26
KUALA TERENGGANU 27 Dis. - Warga penyelidikan fizik disaran membantu warga pendidik dalam mencari kaedah pengajaran baru bagi semua mata pelajaran sains di sekolah supaya lebih menarik dan tidak membosankan para pelajarnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia negeri, Datuk Dr. Abdul Latiff Awang berkata, kaedah pengajaran baru perlu dicari supaya para pelajar dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam kelas dan tidak mudah bosan.

Katanya, ketika ini, beliau menerima

rungutan daripada para pelajar yang mengikuti pelajaran Sains Tulen bahawa mereka mudah mengantuk dan bosan ekoran penyampaian guru yang statik.

"Mungkin dengan penemuan kaedah pengajian yang baru ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan penumpuan dalam kelas, malah menarik minat pelajar untuk mengikuti bidang pelajaran sains.

"Malaysia kini mula melangkah ke era baru dalam pelbagai bidang sains termasuk penerokaan angkasa, justeru kita perlu menarik minat anak-anak kita terhadap bidang ini bagi memasti-

kan negara dapat melahirkan lebih ramai pelapis dalam bidang sains," katanya.

Abdul Latiff berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Fizik Kebangsaan 2007 anjuran Universiti Malaysia Timur (UMT) di Pulau Duyong di sini malam tadi.

Beliau berkata, sekolah-sekolah di Terengganu mengambil pendekatan menubuhkan kelab-kelab berasaskan sains bagi menarik minat murid-murid dan para pelajar kepada bidang sains.

"Penubuhan kelab-kelab seperti Kelab Sains, Kelab Robotik dan Kelab

Suria di sekolah-sekolah rendah dan menengah dilihat berjaya menarik pelajar-pelajar untuk mendalami pelajaran Sains dan penyertaan mereka dalam kelab berkenaan amat memuaskan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, para ibu bapa terutama di kawasan pendalaman juga perlu diberikan pendedahan mengenai pentingnya anak-anak mereka mengikuti bidang sains.

"Ini berikutan ramai ibu bapa bertanya kepada saya jika anak mereka mengikuti bidang sains kerja apa yang mereka boleh buat, apa masa depan dan jaminan hidup mereka," katanya.